

Pencegahan Awal Perlu Bagi Kekalkan Masjid Bebas Daripada Politik - Sultan Selangor
Bernama
31 Julai, 2012

BESTARI JAYA, 31 Julai (Bernama) -- Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah bertitah langkah pencegahan awal menjadikan masjid kekal bebas berkecuali daripada segala pengaruh politik dan mana-mana pihak berkepentingan amat perlu bagi menjamin kesejahteraan serta perpaduan di kalangan umat Islam.

Justeru itu, titah baginda anggota jawatankuasa masjid dan surau di negeri itu diingatkan supaya menggunakan imam dan pensyarah jemputan bertauliah daripada Jabatan Agama Islam Selangor kerana kedua-dua tempat ibadah itu suci bagi mendekati diri dengan Allah dan bukannya tempat penyebaran ideologi politik.

"Beta tidak mahu melihat orang Melayu bergaduh dan berpecah sesama sendiri," titah baginda pada perasmian Masjid Rantau Panjang di sini.

Masjid itu dibina pada 2009 dengan kos RM4.6 juta dan mula digunakan penduduk kampung itu dan Sungai Berdarah sejak 2 Ogos tahun lepas.

Sultan Sharafuddin bertitah sebagai Ketua Negeri, baginda tidak akan membiarkan adanya anasir yang merosakkan bangsa Melayu dan agama Islam, malah akan mengambil tindakan tegas terhadap pihak yang cuba mencetuskan permusuhan dan perbalahan antara kaum dan masyarakat di negeri itu.

Baginda juga menyeru rakyat Melayu di Selangor supaya bersatu-padu dan tidak berbalah antara satu sama lain disebabkan ideologi politik yang berbeza.

"Kita orang Melayu harus bersatu padu dengan satu agama iaitu agama Islam. Beta kecewa dan sedih jika rakyat Melayu di Selangor berpecah-belah disebabkan pendapat politik yang berlainan," titah baginda.

Pada majlis tersebut, Sultan Selangor berkenan menerima bayaran zakat perniagaan daripada Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor berjumlah RM200,000 yang disampaikan Pengurus Besar Kumpulannya, Ali Ahmad.

Baginda juga berkenan menyampaikan sumbangan Hari Raya kepada 514 golongan kurang berkemampuan termasuk 207 asnaf miskin, 141 anak yatim dan 125 asnaf mualaf.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=684633>

